



اُنِيْوَرْسِيْتِيْ تِكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

MALAM UKHUWAH MAHASISWA

MUHAMAD ZULHILMI ZULKIFLI



Seremban, 15 April 2025 - Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan program Malam Ukhwah Mahasiswa yang dijadualkan pada 15 April 2025, jam 8.40 malam bertempat di Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, Kampus Seremban. Acara ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM dengan bajet keseluruhan sebanyak RM 280, dan disokong sepenuhnya oleh pihak universiti.



Program ini menjadi program wajib setiap semester dan melibatkan semua mahasiswa dan mahasiswi yang menduduki di Kolej Bendahara Skudai dan Kolej Mayang Selida, tetapi diwajibkan kepada pelajar semester pertama pada program kali ini. Selain itu, mahasiswa yang hadir juga akan menerima e-Merit Kolej.



Dengan bajet yang diperuntukkan sebanyak RM 280, sebahagian daripadanya digunakan untuk bunting program dan lanyard, manakala selebihnya digunakan untuk menempah makanan kepada semua ajk program dan juga untuk vip. JPK berharap agar acara ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar yang menduduki kolej, selain mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan JPK sendiri.

Program ini telah menarik ramai pelajar yang hadir untuk menyertai dan mendengari tentang pengenalan kolej. Gambar yang dirakam menunjukkan suasana meriah di dalam Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, di mana para pelajar memenuhi ruang dalam pusat islam untuk mendengari isi program ini. Para pelajar telah mula memenuhi ruang seawal jam 8.20 malam bagi mendapatkan tempat sebelum program bermula.



Pada jam lebih kurang 8.40 malam, pengacara majlis iaitu Irdhina Hanani membuka program dengan kata alu-aluan, seterusnya diteruskan dengan bacaan doa oleh Mohamad Fahrin. Selepas bacaan doa selesai, majlis diambil alih oleh YDP JPK iaitu saudara Muhammad Syah Ikmal untuk meneruskan program ini dengan memperkenalkan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) sesi 2024/2025. Pengenalan ini dimulai dengan ekso disiplin dan pengurusan organisasi sehingga majlis tertinggi di dalam JPK.

Selesai sahaja Muhammad Syah Ikmal memperkenalkan barisan JPK sesi 2024/2025, majlis diteruskan dengan sesi memperkenalkan para Staf Residen Kolej (SRK) dan Penolong Pengurus Asrama

Tertinggi Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar. Di mulai oleh Ketua Staf Residen Kolej iaitu Tc. Saiful Hasbullah Bin Abdul Majid dan seterusnya.

Setelah selesainya pengenalan tersebut, bermulalah sesi penerangan peraturan – peraturan kolej yang perlu para pelajar yang menduduki kolej ketahui. Taklimat ini di berikan oleh ketua SRK. Antara peraturan yang perlu diikuti adalah menjaga dan menggunakan kemudahan dengan berhemah, penerangan curfew pada jam 11.00 malam, cara membuat aduan kerosakan alatan atau fasiliti kolej dan sebagainya.

Program ini adalah satu daripada inisiatif JPK untuk membantu para pelajar mengetahui lebih lanjut tentang kolej dan mengharapkan para pelajar dapat menjaga dan menggunakan kemudahan fasiliti kolej dengan baik. Dengan berakhirnya sesi taklimat, maka berakhirhlah majlis pada malam itu. Ketua Program Muhammad Zulhilmi berasa syukur kerana semua ajk telah memberi komitmen yang baik dalam menjalankan program yang penting ini. Pihak JPK berharap program ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada para pelajar.

